

## FREQUENTLY ASK QUESTION (FAQ)

Q : Di mana lokasi Kem Cuti Sekolah (PIQ) ?

A : PIQ diadakan di Darul Hanan, Cherang, Kota Bharu.

- Latitude:N 6° 7' 35.1904" Longitude:E 102° 16' 0.3398"

- Latitude:N 6° 7.586507' Longitude:E 102° 16.005664'

- Latitude:6.126442° Longitude:102.266761°

Q : Bila PIQ ini diadakan?

A : PIQ akan diadakan seminggu selepas cuti akhir sekolah setiap tahun (Minggu ke-2 cuti persekolahan)

Q : Berapakah yuran penyertaan

A : Yuran penyertaan PIQ ialah RM659. Bagaimanapun perubahan harga PIQ berdasarkan kepada harga promo, early bird dan tawaran menarik yang berbeza setiap tahun.

Q : Berapakah had umur penyertaan PIQ?

A : Anak-anak lelaki dan perempuan bermula umur 9 - 17 tahun.

Q : Kenapa PIQ diadakan selama 21 hari?

A : Kerana kami meletakkan matlamat anak-anak dapat khatam al-Quran beserta tahsin dalam tempoh ini. Manakala anak-anak yang masih dalam bacaan iqra' mampu mengenal & menyebut huruf hijaiyyah dengan betul.

Q : Boleh bayar deposit atau bayar penuh?

A : Ibu ayah boleh membayar deposit dengan bayaran sebanyak RM200 bagi memastikan anak-anak mendapat tempat penyertaan dalam PIQ.

Q : Saya tinggal jauh dan tak sempat untuk mendaftar, boleh saya daftar & bayar secara online?

A : Ya, boleh mendaftar secara online atau terus menghubungi kami di talian 09-7462977 (Pejabat) / 011-10750220 (Ust. Hilmi) untuk memudahkan urusan. Pembayaran pula boleh dibuat di akaun BIMB : 03036010000781 (Kelab Balkis)

Q : Saya tinggal di luar Kelantan, mudahkah bagi saya mendapatkan hotel/homestay terdekat?

A : Darul Hanan berada berdekatan dengan Bandar Kota Bharu dalam jarak 3km perjalanan. Ibu ayah boleh memilih hotel yang pelbagai yang berada berdekatan.

Q : Adakah anak saya boleh balik pada hujung minggu selama 21 hari kem?

A : Anak-anak akan berkampung selama 20 hari di Darul Hanan. Bagaimanapun, ibu ayah boleh datang melawat anak-anak pada setiap hujung minggu (Jumaat & Sabtu) bermula pukul 5 sehingga 6 petang.

Q : Apa yang anak saya akan pelajari sepanjang PIQ?

A : Anak-anak akan dididik berdasarkan 3 modul asas:

- 1) Al-Quran: Membimbing cara menyebut & mengenal huruf hijaiyyah dengan betul bagi memantapkan pembacaan mengikut hukum hakam & tajwid.
- 2) Akhlak: Membantu membentuk peserta lebih berdisiplin, berakhlak & bertaqwa.
- 3) Fardhu Ain: Merangkumi perkara asas fardhu ain & fardhu kifayah, bab kebersihan, wirid dll.

Q : Selain modul ini, apa lagi yang akan mereka pelajari?

A : Selain modul asas, anak-anak juga akan diisi dengan slot motivasi oleh ustaz-ustaz berpengalaman, slot keterampilan, 'public speaking' dan lain-lain lagi, inshaAllah akan memberikan pengalaman kem yang menyeronokkan dan 'terisi'.

Q : Anak saya tak pandai urus diri lagi, bolehkah?

A : Segala urusan akan di urus oleh pihak kami, dobi, makan minum. Dengan syarat anak Tuan/Puan bersedia untuk sama-sama belajar mengurus diri dengan pantauan fasi, ustaz/ustazah di sini.

Q : Anak remaja perempuan saya sudah baligh, macamana nak jalani kem PIQ ini?

A : Anak Tuan/Puan masih boleh mengikuti kem dan kami syorkan ibu ayah menyediakan Al-Quran terjemahan bagi memudahkan anak-anak belajar & mengikuti kem dengan sempurna seperti yang lain.

Q : Saya nak tahu keadaan asrama, tempat tinggal anak-anak nanti?

A : Selama 21 hari anak-anak puan akan berada di asrama pelajar, keadaan bilik asrama yang selesa dan berhawa dingin inshaAllah menambahkan ketenangan hati anak-anak dalam mempelajari Al-Quran & kepimpinan di sini. Anak yang berumur 12 tahun ke bawah & 12 tahun ke atas juga diasingkan penempatan mereka. Segalanya dipantau 24 jam oleh fasi/ustaz & ustazah.

Q : Pembayaran yuran termasuk dengan makan minum ke?

A : Ya, selain daripada pengajian al-Quran & slot motivasi, yuran penyertaan yang dibayar oleh anak-anak juga termasuk dengan makan minum 4x sehari sepanjang kem, penginapan di hostel berhawa dingin, dobi pakaian, t-shirt program, modul lengkap, buku fardhu ain, sijil penyertaan dan hadiah penyertaan menarik.

Q : Bagaimanakah etika pemakaian semasa kem?

A : Pakaian hendaklah sopan dan menutup aurat.

Etika pemakaian lelaki seperti baju melayu, jubah, kurta, t-shirt yang tidak bergambar dan seluar yang tidak ketat dan selesa untuk dipakai.

Bagi anak perempuan pula, baju kurung, jubah, tudung labuh, baju muslimah, scarf, stoking serta handsock. Seluar jeans dan pakaian terlalu berfesyen adalah dilarang.

Q : Adakah anak-anak boleh membawa telefon bimbit sepanjang kem?

A : Boleh, tetapi telefon hendaklah diserahkan untuk disimpan di pejabat. Telefon hanya akan diberi pada petang Rabu dengan pantauan fasi bagi membolehkan anak-anak menelefon ibu bapa jika ingin memesan barangan untuk dibawa pada masa melawat.

Q : Anak saya boleh keluar tak untuk apa-apa urusan sepanjang kem PIQ?

A : Tak boleh, kecuali jika dimaklumkan kepada pihak pengurusan dan diberi keizinan. Sebarang pergerakan keluar masuk anak-anak hendaklah dicatat di dalam buku rekod.

Q : Anak saya perlu bawa wang saku atau tidak?

A : Kiosk jualan beroperasi ketika waktu rehat pelajar sepanjang kem. Pihak pengurusan membuka akaun & menyimpan duit peserta bagi mengelakkan kecurian dan kecuai. Duit wang saku yang disimpan boleh diminta di pejabat ketika waktu rehat dan terhad hanya RM3 sehari.

Q : Untuk sebarang pertanyaan, dengan siapa saya boleh berhubung?

A : Boleh hubungi terus ke nombor pejabat 09-7462977 atau 011-10750220 (Ustaz Hilmi) & 013-9712970 (Pn. Norfizah).